

27 FEB 1999

Malaysia-D-8

M'SIA'S MAHU RETAKAFUL DIMASUKKAN KE DALAM DEKLARASI DHAKA

DHAKA, 27 Feb 27 (Bernama) -- Kejayaan Malaysia dalam insuran Islam atau retakaful telah menerima sokongan yang padu kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8).

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata cadangan Malaysia supaya empat negara turut menyertai firma insuran retakaful yang mendapat kejayaan akan dimasukkan ke dalam deklarasi Dhaka D-8.

Katanya sektor swasta negara-negara itu telah diminta memiliki ekuiti dalam Asean Re-takaful (L) Ltd, syarikat insuran semula yang berpangkalan di Labuan, pusat kewangan persisiran pantai.

Buat masa sekarang, selain dari Malaysia yang memegang kepentingan majoriti, pihak Singapura dan Indonesia juga mempunyai kepentingan dalam syarikat itu yang ditubuhkan pada Mei tahun 1997, katanya kepada Bernama hari ini.

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat pesuruhjaya selama dua hari yang membuat persediaan draf deklarasi itu dan juga agenda untuk sidang kemuncak D-8 yang bermula Isnin ini.

Deklarasi itu yang dijangka akan mengandungi banyak perkara lain dijangka akan dikeluarkan selepas sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba Ahad ini untuk menghadiri sidang kemuncak D-8, sebuah kumpulan berorientasikan projek yang timbul daripada negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

D-8 mengandungi Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan, Turki dan Bangladesh.

Syed Hamid berkata Malaysia telah menawarkan untuk menjadi tuan rumah kepada mesyuarat kumpulan kerja mengenai retakaful bertujuan membincangkan modus operandi dan peraturan perniagaan mengenai retakaful pada Jun tahun ini di Kuala Lumpur.

"Kami berharap untuk menggalakkan D-8 dan lain-lain negara Islam untuk menyertai retakaful yang mempunyai potensi yang luas memandangkan unjuran pertumbuhan dalam perdagangan dan pelaburan antara negara-negara Islam.

Katanya Malaysia juga bersedia untuk menawarkan perkhidmatan perundingan, program latihan kakitangan dan bentuk latihan yang lain kepada negara-negara anggota dalam operasi Takaful dan juga perbankan Islam.

Perbankan dan kewangan Islam ialah projek yang dikenalpasti dan ditugaskan kepada Malaysia untuk diselaraskan pada sidang kemuncak D-8 yang pertama di Istanbul Jun 1997.

Syed Hamid juga berkata mesyuarat pesuruhjaya itu yang berakhir hari ini juga memutuskan bahawa sidang kemuncak itu akan diadakan dua tahun sekali dan bukan setahun sekali.

Ini bermakna mesyuarat selepas ini ialah pada tahun 2001 di Kaherah.

Bagaimanapun, para pegawai kanan akan bertemu dengan lebih kerap manakala para menteri luar akan bermesyuarat pada waktu sidang kemuncak dan juga mengadakan mesyuarat tidak rasmi apabila mereka bertemu pada Mesyuarat Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Mengenai perdagangan dan pelaburan, satu lagi bidang prioriti yang dikenalpasti oleh D-8 pada tahun 1997, Syed Hamid berkata Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada satu seminar untuk pegawai-pegawai kastam negara-negara anggota mungkin menjelang akhir tahun ini.

Semua ini jelas menunjukkan bahawa D-8 sedang menuju ke arah matlamat penubuhannya untuk mengadakan projek-projek bagi faedah ekonomi bersama, katanya.

"Sudah tentu, Deklarasi Dhaka perlu menunjukkan berapa banyak yang diperlukan untuk mencapai matlamat kumpulan kami," katanya dan menambah bahawa "pada setiap masa, kita perlu memastikan bahawa kita memberi tumpuan kepada projek dan aktiviti yang boleh dilaksanakan."

"Kita perlu meningkatkan rangkaian antara negara-negara Islam dan supaya kita dapat turut serta dengan lebih berkesan dalam ekonomi global," katanya.

"Terdapat keperluan negara-negara Islam memikir semula apa yang boleh mereka lakukan untuk membantu antara satu sama lain," katanya.

-- BERNAMA

MR WAT